

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 3, Issue 3, June 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:

[www.msocalsciences.com](http://www.msocalsciences.com)**Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah****Mohammad Haafiz Ahmid<sup>1</sup>, Mohd Khairuddin Abdullah<sup>1</sup>, Khalid Johari<sup>1</sup>**<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah (UMS)Correspondence: Mohammad Haafiz Ahmid ([isoginawo@gmail.com](mailto:isoginawo@gmail.com))**Abstrak**

Pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar aliran agama adalah satu kemestian dan wajib dipelajari kerana termasuk dalam peperiksaan umum seperti PT3, SPM dan STPM. Untuk mempelajarinya dengan berkesan, pelajar perlu mempunyai kepercayaan motivasi yang tinggi kerana Bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang agak susah dan mencabar tambahan pula bagi pelajar yang bukan penutur jatinya. Beberapa kajian lepas merekodkan tahap motivasi pelajar yang rendah terhadap mata pelajaran Bahasa Arab kerana merasa sukar untuk menguasainya. Justeru, kajian ini akan menjelaskan kemungkinan aspek pengajaran guru yang menjadi punca perubahan kepercayaan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian yang menggunakan reka bentuk kuantitatif secara tinjauan ini menggunakan soal selidik *Students' Evaluation of Teaching Effectiveness Rating Scale (SETERS)* dan *Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)* sebagai instrumen yang direspon oleh 542 pelajar aliran agama tingkatan 4 dan data terkumpul diproses menerusi analisis korelasi pearson. Hasil kajian mendapati hubungan yang sederhana namun signifikan dan positif antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama terhadap mata pelajaran Bahasa Arab. Sehubungan itu, guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran mereka dari segi penyampaian bahan pembelajaran, interaksi dan aspek penyediaan suasana pembelajaran yang kondusif. Usaha ini akan dapat meningkatkan kepercayaan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab sekaligus mengembangkan potensi penguasaan bahasa yang lebih berkesan dan komprehensif.

**Kata kunci:** bahasa Arab, pengajaran guru, kepercayaan motivasi, pelajar aliran agama, minat**Teachers' Teachings and Students' Motivational Beliefs in Learning Arabic Language in Secondary School****Abstract**

Arabic learning among religious-oriented students is a must and should be studied as it is included in public examination such as PT3, SPM and STPM. To learn it effectively, students need to have high level of motivational beliefs because Arabic language is a rather difficult and challenging subject for students who are non-speakers. Previous studies recorded a low level of motivation for Arabic language because it was difficult to master it. Hence, this study will explain the possibility of teachers' teaching influence students' motivational beliefs in Arabic language. A quantitative approach used in this research and conducted using the Student's Evaluation of Teaching Effectiveness Rating Scale (SETERS) and Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ) questionnaire as an instrument that was responded to by 542 form 4 religious-oriented students. The data was processed

through Pearson correlation analysis. The findings show that the moderate, but significant and positive relationship between teacher's teaching and motivational beliefs of religious-oriented students in learning Arabic language. In this regard, teachers need to diversify their teaching strategies in terms of delivery learning materials, interaction and the provision of conducive learning environment. This effort will increase the student's motivational beliefs to Arabic language while developing more effective and comprehensive Arabic language mastery potential.

**Keywords:** Arabic language, teacher's teachings, motivational beliefs, religious-oriented students, interest

---

## Pengenalan

Pembelajaran Bahasa Arab memerlukan usaha gigih pelajar untuk menguasainya dalam semua sudut kemahiran. Strategi berpusatkan guru yang diamalkan sejak dari zaman sistem pendidikan pondok kurang membantu memperkembangkan bahasa tersebut (Rosni, 2013) apatah lagi bagi pelajar yang bukan penutur jati. Sebagai contoh, jika ingin memahirkan diri dengan kemahiran bertutur, pelajar perlu berusaha mencari jalan yang membolehkannya bertutur secara berkala atau harian sebagaimana yang berlaku dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Kajian Ismail et al. (2013) menunjukkan bahawa kemahiran bertutur pelajar dalam Bahasa Arab dan kemahiran lain seperti membaca dan menulis berada pada tahap yang sederhana. Situasi ini mungkin disebabkan oleh faktor persekitaran sekolah yang kurang merangsang minat pelajar untuk menggunakan bahasa tersebut. Faktor guru dan rakan sebaya memainkan peranan meningkatkan kemahiran-kemahiran bahasa yang dipelajari (Rosni, 2009). Oleh yang demikian, aktiviti seperti minggu bahasa serta kem bahasa boleh dijalankan bagi memastikan penguasaan bahasa yang berterusan dan berimpak positif pada kemahiran pelajar.

Objektif kurikulum Bahasa Arab mengikut Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid Bahasa Arab Tingkatan 3 (PPPM), menyatakan bahawa pelajar akan dapat bertutur, membaca, menulis, menghafal pola morfologi, kata-kata hikmah, tatabahasa, dan mengingat sekurang-kurangnya 1500 kosa kata Arab. Walau bagaimana pun, dalam peperiksaan awam seperti PMR (sekarang PT3), SPM dan STPM, Bahasa Arab diuji dan dinilai secara ujian bertulis yang mengandungi aspek-aspek tatabahasa, kefahaman, morfologi dan karangan. Penguasaan pelajar terhadap aspek-aspek ini menunjukkan mereka telah mencapai tahap prestasi yang sesuai dengan penguasaan mereka dalam Bahasa Arab.

Banyak kajian telah dijalankan terhadap pembelajaran Bahasa Arab menjerus kepada kemahiran yang tertentu seperti kemahiran lisan (Ghazali et al., 2012), kemahiran bertutur (Azani Ismail, Azman & Mat Taib, 2012), kemahiran membaca (Ismail, Wan Maizatul Akmar & Azman, 2013), ilmu morfologi (Mohd Zaini, 2012) dan pengajaran kosa kata (Rosni, 2013). Kajian-kajian tersebut telah dijalankan dalam konteks Malaysia yang mempunyai sistem pendidikan yang meletakkan Bahasa Arab sebagai mata pelajaran elektif dalam kurikulum pendidikan. Namun demikian, platform untuk kemahiran lisan dan pertuturan banyak dititikberatkan di institut pengajian tinggi. Di peringkat menengah, kemahiran asas mendengar, pertuturan, bacaan dan menulis diterapkan secara berperingkat dan penting antara satu sama lain. Walau bagaimana pun, tahap penguasaan Bahasa Arab masih diuji dan dinilai menerusi sistem peperiksaan yang diselenggarakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

## Sorotan Literatur

Pembelajaran Bahasa Arab memerlukan motivasi yang tinggi untuk mempelajarinya kerana terdapat beberapa faktor seperti persekitaran, matlamat belajar, peperiksaan dan kemampuan kognitif yang berpotensi mempengaruhi pembelajaran pelajar (Ghazali et al., 2011). Tambahan pula dalam konteks negara yang bukan penutur jati bahasa ini maka pelajar bukan sahaja perlu berkeyakinan untuk belajar bahkan perlu ada strategi belajar yang terkawal dan sistematik. Secara umum, perkembangan Bahasa Arab di Malaysia dari segi penguasaan dan pencapaian masih di tahap yang minima dan kurang memuaskan serta masih belum mencapai objektif pelaksanaannya (Abdul Hakim, Ab. Aziz, Wan

Ismail & Hafisah, 2014; Zamri, Ezad Azraai, Khaulah, Muhamad Ridzuan & Zulazhan, 2014). Dapatan ini bersesuaian dengan beberapa kajian yang menyebutkan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia masih mengharapkan guru semata-mata sebagai sumber utama bagi pelajar bagi mendapatkan pengetahuan dan kemahiran Bahasa Arab (Rosni, 2009).

Rosni (2012) turut menyebutkan beberapa kelemahan dan isu lain dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia antaranya faktor kurang latih tubi, penggunaan alat bantu mengajar dan bahan bacaan tambahan, kurang komunikasi bahasa dan aktiviti bahasa serta sikap pasif pelajar. Sehubungan itu, pemasalahan yang berlaku dalam pembelajaran Bahasa Arab ini boleh dibantu dengan menentukan perkaitan antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama di sekolah menengah. Costa-Ferreira dan Veiga-Simão (2012) dalam kajiannya pernah mengesahkan bahawa perubahan pada pengajaran guru boleh membantu meningkatkan kepercayaan motivasi pelajar bermula dari peringkat sekolah rendah lagi agar pelajar boleh menerima tugas akademik yang diberikan dan menyelesaikannya dengan berkesan.

Prestasi pelajar dalam Bahasa Arab turut dipengaruhi oleh sikap dan minat mereka untuk belajar. Di sekolah rendah, mata pelajaran ini dipilih oleh sekolah-sekolah yang mempunyai sumber manusia iaitu guru yang major dalam bidang Bahasa Arab dan pelajar yang beragama Islam diwajibkan mengikuti kelas Bahasa Arab dan pilihan bagi yang bukan beragama Islam. Manakala di peringkat menengah pula, Bahasa Arab menjadi mata pelajaran wajib diambil oleh pelajar beraliran agama di peringkat sekolah menengah kebangsaan (Kelas Aliran Agama), sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah menengah agama negeri (SMAN), sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SMABK) dan sekolah menengah agama rakyat (SMAR) kerana dimasukkan dalam peperiksaan awam. Sama seperti mata pelajaran lain, pelajar perlu mempunyai motivasi yang tinggi dalam mempelajari Bahasa Arab. Motivasi yang tinggi membolehkan pelajar berminat untuk menguasai mata pelajaran ini namun perbezaan tahap motivasi berpotensi menyebabkan pencapaian yang berbeza di kalangan pelajar seperti yang dijelaskan oleh Abdul Hakim, Ab. Aziz, dan Wan Ismail (2015). Mereka melaporkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi minat pelajar yang dikenal pasti mempunyai hubungan sederhana dengan pencapaian Bahasa Arab seperti pengajaran dan pembelajaran di kelas, kesedaran diri dan tahap kesukaran isi kandungan mata pelajaran yang dipelajari.

Rumusannya, pemasalahan yang ingin dirungkaikan dalam kajian ini adalah tahap kepercayaan motivasi pelajar aliran agama dalam pembelajaran Bahasa Arab. Walaupun, beraliran agama, pelajar-pelajar terbabit masih didapati pasif dalam pembelajaran mereka (Rosni, 2009). Maka, pemboleh ubah kepercayaan motivasi yang diperkenalkan Pintrich (2000) dijangka berpotensi untuk membantu para guru dan pelajar untuk meningkatkan aktiviti pembelajaran ke tahap yang lebih efektif dan difungsikan secara berkesan. Namun demikian, aspek pengajaran guru perlu diambil perhatian sebagai faktor yang mampu mempengaruhi perubahan aras kepercayaan motivasi dalam kalangan pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab sekolah menengah.

## **Pengajaran Guru**

Suatu proses pengajaran dan pembelajaran akan berlaku dengan interaksi dua hala iaitu antara pengajar dan pelajar sama ada secara langsung seperti dalam kelas dan luar kelas atau tidak langsung seperti pembelajaran atas talian. Pelaksanaan pengajaran tidak akan terjadi satu hala sahaja. Anuar, Siti Haishah dan Nur Atiqah (2009) menjelaskan bahawa pengajaran yang dimaksudkan dalam institusi pendidikan adalah pengajaran yang berkesan dan melibatkan pendekatan yang sistematik dan sesuai agar dapat menghasilkan suasana pembelajaran yang kondusif dalam kelas. Sehubungan itu, untuk kesan yang positif ke atas pelajar, pengajaran guru perlu lebih bersifat terbuka, interaksi positif dengan pelajar dan aktiviti pembelajaran yang konsisten, aktif dan berterusan agar pelajar mendapat maklumat dan pengetahuan yang secukupnya.

Pandangan Sharifah (1983) tentang pengajaran guru adalah ia merupakan suatu sistem dan peredaran ke arah matlamat pengajaran yang telah dirancang dengan teratur. Ia merujuk kepada penggunaan segala pengetahuan menyampaikan pengetahuan secara sengaja selaras dengan mata pelajaran-mata

pelajaran tertentu. Esah (2004) pula menyatakan bahawa pengajaran guru yang berkesan adalah cara guru mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajarannya berdasarkan pendekatan yang ingin dibawanya dalam menyampaikan pengajaran.

Dalam kajian ini, pengajaran guru diukur berdasarkan penilaian dan persepsi pelajar menerusi instrumen *Students' Evaluation of Teaching Effectiveness Rating Scale* (SETERS) yang dibina oleh Toland dan Ayala (2005). Guru yang dimaksudkan adalah guru yang mengajar Bahasa Arab di tingkatan 4 pada tahun semasa. Definisi pengajaran guru dioperasikan dalam tiga faktor atau dimensi utama iaitu penyampaian informasi pelajaran, interaksi guru-pelajar dan pengaturan pembelajaran pelajar.

Penyampaian informasi pelajaran merujuk kepada pendekatan yang dilakukan oleh guru dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran secara berkesan meliputi pemberian tugas, kelolaan aktiviti dan bahan pembelajaran kepada pelajar. Dimensi interaksi guru-pelajar pula didefinisikan sebagai kerjasama yang terjalin antara guru dan pelajar dalam mengamalkan persekitaran pembelajaran dua hala yang kondusif dan harmoni antara pendidik dan yang dididik. Manakala dimensi pengaturan pembelajaran pelajar pula bermaksud bagaimana guru mendedahkan pelajar dengan carabekerja yang lebih berdikari di samping memberi penilaian yang efektif terhadap perkembangan dan prestasi pembelajaran pelajar.

Namun demikian, sejauh mana pengajaran guru berupaya mempengaruhi perubahan pada tahap penerimaan dan kefahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar, turut bergantung pada minat dan sikap pelajar itu sendiri dalam aktiviti pembelajarannya. Kepentingan suatu mata pelajaran dari sudut pandangan pelajar adalah berbeza dan dikenal pasti dapat mempengaruhi cara belajar mereka untuk mencapai sasaran mata pelajaran tersebut (Pintrich, 2004). Sekiranya guru lebih mesra, jelas dan berkualiti, proses pembelajaran akan jadi lebih menarik dan pelajar akan belajar dengan tujuan memperolehi pengetahuan dan nilai tambah di samping kepentingan masa hadapan. Perihal ini dijelaskan oleh Rohani et al. (2010) bahawa pengajaran guru yang lebih mesra pelajar seperti hubungan baik antara guru dan pelajar, dikenal pasti memberi impak positif ke atas motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran tertentu. Pengajaran seperti ini menggunakan pendekatan yang berkesan dan mempelbagaikan kaedah mengajar.

Dalam menghasilkan impak yang positif di kalangan pelajar, guru perlu mengupayakan diri secara proaktif dalam memahirkan diri dengan strategi pengajaran yang pelbagai. Dalam pembelajaran Bahasa Arab, bagi proses kemahiran komunikasi, interaksi antara guru dan pelajar serta guru yang mudah didekati dan ditemui boleh membantu meningkatkan keinginan dan keyakinan pelajar untuk menguasai bahasa tersebut. Hanya perlukan ungkapan bahasa yang mudah untuk menarik minat pelajar dalam pergaulan harian yang boleh digunakan sekitar kawasan sekolah seperti di kantin, tandas dan bilik guru serta ungkapan hormat dan beberapa arahan ringkas. Kepelbagaian dalam pengajaran boleh menjadikan pelajar cepat memahami suatu pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan. Eldin (2015) dan Rosni (2012) sependapat mengatakan bahawa pengajaran guru perlu ada intervensi bukan sahaja dalam mempelbagaikan teknik mengajar bahkan turut meliputi aspek interaksi, kesamarataan, mudah didekati dan ditemui serta mengenal pasti secara spesifik kekuatan dan kelemahan pelajar. Sekiranya, pengajaran guru disertai cara yang berkesan, ia akan dapat membantu pelajar menentukan hala tuju belajar masing-masing dan menetapkan target yang mahukan dalam pembelajaran yang sekali gus meningkatkan motivasi di kalangan pelajar (Panadero & Alonso-Tapia, 2014; Tzohar-Rozen & Kramarski, 2014; Zimmerman, Bandura, & Martinez-Pons, 1992) sehingga menjadi lebih berdaya saing dan berdikari dalam pembelajaran mereka yang akan menjadikan prestasi akademik pelajar lebih positif dan memberangsangkan (Pintrich, 2004; Melissa, 2010).

Kajian ini akan menentukan beberapa faktor yang digabungkan dalam pengajaran guru yang dijangka boleh mempengaruhi pembelajaran regulasi sendiri di samping hubungkaitnya dengan kepercayaan motivasi pelajar beraliran agama. Toland dan Ayala (2005) yang telah membina instrumen SETERS berusaha mengenal pasti tahap pengajaran guru menurut perspektif pelajar dan telah dijelaskan tiga faktor utama pengajaran guru iaitu penyampaian informasi pelajaran, interaksi guru-pelajar dan pengaturan pembelajaran pelajar. Rohani et al. (2010) pernah menggunakan instrumen SETERS untuk

mengkaji kesan kualiti pengajaran guru terhadap komitmen belajar dan mendapati dimensi interaksi guru-pelajar merupakan peramal terbaik bagi komitmen belajar di kalangan pelajar. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru merupakan antara faktor utama menjadi penentu tingkah laku belajar di kalangan pelajar. Semakin berkualiti pengajaran, semakin meningkat kemahuan belajar.

## Kepercayaan Motivasi

Kajian tentang motivasi di kalangan pelajar telah banyak dilakukan oleh para penyelidik terdahulu antaranya Eccles dan Wigfield (2002), Emmanuel, Adom, Josephine dan Solomon (2014), Kreishan dan Al-Dhaimat (2013), Tanriseven dan Dilmaç (2013) dan Mega et. al (2014). Mereka mentafsirkan motivasi sebagai keinginan seseorang untuk mencapai sesuatu. Walau bagaimana pun, istilah kepercayaan motivasi (motivational beliefs) dikenal pasti mempunyai maksud yang lebih mendalam dan terperinci kerana mempunyai beberapa faktor yang merangkumi aspek sendiri, persekitaran dan tingkah laku, emosi dan keyakinan diri individu. Faktor yang membentuk kepercayaan motivasi ini turut disokong teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986) yang kemudiannya ia dijadikan sebagai salah satu rangkuman faktor yang sering digandingkan bersama pembelajaran regulasi sendiri oleh kajian-kajian yang terawal (Pintrich dan De Groot, 1990; Zimmerman dan Schunk, 1989).

Kepercayaan motivasi didefinisikan sebagai keinginan seseorang individu untuk mencapai matlamat yang dikehendakinyaberdasarkan kemampuan dan keyakinan yang ada pada dirinya (Pintrich et al., 1991). Kepercayaan pada diri memastikan seseorang lebih cenderung memilih sesuatu yang menarik minatnya walaupun berhadapan dengan tugas yang sukar. Ia juga melibatkan perubahan sikap, emosi dan kognitif yang membolehkan individu meningkatkan penglibatannya dalam suatu aktiviti menerusi kemampuan dan persekitarannya. Pandangan Eccles dan Wigfield (2002) menyatakan bahawa individu yang dapat melaksanakan suatu aktiviti dengan berkesan disamping mengetahui kepentingan aktiviti tersebut ke atas matlamat yang ingin dicapainya, akan mempunyai kepercayaan motivasi yang tinggi sehingga keinginannya tercapai.

Dalam kajian ini, kepercayaan motivasi pelajar akan diukur berdasarkan tiga dimensi utama yang diperincikan oleh Pintrich dan De Groot (1990) iaitu efikasi sendiri, nilai intrinsik dan kebimbangan terhadap ujian (test anxiety). Ketiga-tiga dimensi ini tersusun dalam satu instrumen iaitu Motivational Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ) menerusi Motivational Beliefs scale yang dibina oleh Pintrich dan De Groot (1990).

Dalam pada itu, dimensi efikasi sendiri merujuk kepada keyakinan dan kemampuan pelajar untuk menguasai mata pelajaran atau tugas tertentu yang diberi dengan berkesan walaupun mata pelajaran atau tugas tersebut sukar. Nilai intrinsik pula dioperasikan sebagai keinginan pelajar untuk melibatkan diri dalam suatu aktiviti pembelajaran tanpa mengambil kira nilai dan dorongan luaran. Pelajar dengan matlamat ini akan berusaha menguasai mata pelajaran yang memberi cabaran dan kepuasan pada diri sendiri. Kebimbangan terhadap ujian (*test anxiety*) pula merupakan dimensi yang cenderung kepada faktor afektif pelajar. Ia dioperasikan sebagai pengukur tahap emosi pelajar apabila berhadapan dengan peperiksaan atau ujian seperti debaran, rendah diri dan susah hati.

Kepercayaan motivasi dipercayai memberi sumbangan dan menjadi faktor yang boleh meramal pencapaian akademik pelajar. Dimensi-dimensi seperti efikasi sendiri dan orientasi matlamat merupakan penyumbang yang mampu meramal pencapaian akademik pelajar (Eccles & Wigfield, 2002; Pintrich, 2004). Kemahiran sedia ada dan keyakinan diri pelajar terhadap suatu pembelajaran ditambah dengan kepentingan mata pelajaran tertentu menjadi antara faktor yang berpotensi meningkatkan kepercayaan motivasi pelajar dalam pembelajarannya. Penjelasan Ocak dan Yamaç (2013) berkaitan mata pelajaran Matematik menunjukkan efikasi sendiri pelajar yang tinggi menyebabkan peningkatan sikap terhadap Matematik seterusnya mempengaruhi pencapaian mereka. Perihal ini mencerminkan bahawa keyakinan diri terhadap kemahiran tentang mata pelajaran tertentu memungkinkan pelajar menilai kepentingan mata pelajaran tersebut, bukan sahaja untuk lulus semata-mata bahkan kerana minat yang mendalam terhadap isi kandungan mata pelajaran tersebut.

Kesimpulannya, efikasi sendiri dan orientasi matlamat intrinsik merupakan komponen asas dalam kepercayaan motivasi yang membentuk pelajar yang mampu mengawal keadaan sekelilingnya selaras dengan usaha yang dilakukannya. Pelajar yang mempunyai tahap efikasi diri dan orientasi matlamat intrinsik mempunyai ketekalan pada aktiviti pembelajarannya terutama dalam memilih strategi pembelajaran bersesuaian, merefleksi strategi tersebut serta membuat penambahbaikan (Ghazali et al., 2011). Pelajar mampu mencapai prestasi akademik yang positif kerana dapat mengoptimalkan persekitaran pembelajarannya bukan setakat untuk mencapai gred tinggi bahkan menjadikan isi pelajaran sebagai aset untuk masa depan (Melissa, 2010) terutama bagi pelajar yang mempunyai matlamat intrinsik yang tinggi (Manukaram, Melissa & Shahizan, 2014).

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara pengajaran guru dengan kepercayaan motivasi di kalangan pelajar aliran agama di sekolah menengah. Fokus mata pelajaran adalah Bahasa Arab yang wajib dipelajari oleh pelajar aliran agama dan mendudukinya dalam peperiksaan awam.

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan hubungan signifikan antara pengajaran guru dengan kepercayaan motivasi di kalangan pelajar aliran agama dalam mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah.

## Metod Kajian

Dalam kajian ini, reka bentuk kuantitatif digunakan bagi menganalisis dapatan yang menjadikan angka sebagai dapatan kajian. Kaedah tinjauan bukan eksperimen dijalankan untuk proses pengumpulan data kajian kerana menurut Lay dan Khoo (2015), kajian tinjauan merupakan kajian yang sesuai untuk mengetahui pemikiran, perasaan dan tingkah laku tertentu dalam populasi yang besar. Teknik pensampelan rawak berstrata dijalankan bagi mendapatkan responden daripada beberapa sekolah menengah yang mempunyai pelajar aliran agama dan mengambil bahasa Arab secara wajib iaitu SMK, SMKA dan SMAN. Seramai 542 sampel pelajar tingkatan 4 daripada ketiga-tiga jenis sekolah yang telah memberi respon terhadap soal selidik boleh dianalisis. Pemilihan pelajar tingkatan 4 berpadanan dengan pandangan Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi dan Zamri (2009) yang menyatakan bahawa tempoh empat tahun (tingkatan 1 hingga 4) memadai untuk pelajar membina dan menentukan tingkah laku belajar yang sesuai dalam pembelajaran bahasa.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Students' Evaluation of Teaching Effectiveness Rating Scale (SETERS) yang dibina Toland dan Ayala (2005) yang akan direspon oleh pelajar bagi menilai pengajaran guru Bahasa Arab di sekolah masing-masing. Manakala data kepercayaan motivasi pelajar pula dikumpul menggunakan instrumen yang dibina oleh Pintrich dan De Groot (1990) iaitu *Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)* melalui *Motivational Beliefs Scale*. Data yang diperolehi telah dianalisis dalam perisian SPSS versi 17.0 menggunakan analisis statistik korelasi *Pearson* bagi menentukan hubungan antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar. Selanjutnya, analisis korelasi juga dijalankan antara dimensi-dimensi pengajaran guru dengan dimensi-dimensi kepercayaan motivasi.

## Dapatan Kajian

Analisis dapatan mengandaikan hubungan antara pengajaran guru dan dimensinya dengan kepercayaan motivasi bersama dimensinya. Justeru, jadual 1 menunjukkan analisis korelasi *pearson* mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi dalam bentuk positif yang sederhana ( $r=.449, p<.05$ ).

Kemudian, analisis dalam jadual 2 diteruskan pada dimensi pengajaran guru dengan kepercayaan motivasi. Terdapat hubungan signifikan antara dimensi penyampaian informasi pelajaran dengan

kepercayaan motivasi ( $r=.461, p<.05$ ) secara positif yang sederhana. Begitu juga dengan dimensi interaksi guru-pelajar ( $r=.326, p<.05$ ) yang berhubung dengan kepercayaan motivasi secara sederhana dan positif namun signifikan. Demikian juga dimensi pengaturan pembelajaran pelajar ( $r=.400, p<.05$ ) mempunyai hubungan signifikan yang positif dan sederhana.

Jadual 1: Analisis Korelasi Pengajaran Guru dan kepercayaan motivasi

Kepercayaan Motivasi	
Pengajaran Guru	.449**

Jadual 2: Analisis Korelasi dimensi pengajaran guru dan kepercayaan motivasi

Kepercayaan Motivasi	
Penyampaian informasi pelajaran	.461**
Interaksi guru-pelajar	.326**
Pengaturan pembelajaran pelajar	.400**

Selanjutnya adalah analisis dapatan hubungan pengajaran guru dengan dimensi kepercayaan motivasi. Jadual 3 menunjukkan hubungan signifikan antara pengajaran guru dengan dimensi efikasi sendiri ( $r=.370, p<.05$ ) dan dimensi nilai intrinsik ( $r=.468, p<.05$ ) secara positif yang sederhana. Walau bagaimana pun, didapati pengajaran guru tiada hubungan signifikan dengan dimensi kebimbangan terhadap ujian ( $r=-.031, p>.05$ ).

Jadual 3: Analisis Korelasi pengajaran guru dan dimensi kepercayaan motivasi

Pengajaran guru	
Efikasi sendiri	.370**
Nilai intrinsik	.468**
Kebimbangan terhadap ujian	.031

Jadual 4 : Analisis Korelasi dimensi pengajaran guru dan dimensi kepercayaan motivasi

	Efikasi sendiri	Nilai intrinsik	Kebimbangan terhadap ujian
Penyampaian informasi pelajaran	.393**	.477**	-.031
Interaksi guru-pelajar	.251**	.351**	.003
Pengaturan pembelajaran pelajar	.333**	.411**	-.008

Seterusnya, analisis korelasi pada jadual 4 melibatkan dimensi pengajaran guru dengan dimensi kepercayaan motivasi. Dimensi penyampaian informasi pelajaran didapati mempunyai hubungan sederhana positif yang signifikan dengan dua dimensi kepercayaan motivasi iaitu dimensi efikasi sendiri ( $r=.393, p<.05$ ) dan dimensi nilai intrinsik ( $r=.477, p<.05$ ) dan merupakan nilai pekali korelasi tertinggi dalam analisis ini. Begitu juga dengan dimensi interaksi guru-pelajar yang berhubung secara

sederhana positif dan signifikan dengan dimensi efikasi sendiri ( $r=.251, p<.05$ ) dan dimensi nilai intrinsik ( $r=.351, p<.05$ ). Seterusnya dimensi pengaturan pembelajaran pelajar yang juga mempunyai hubungan dengan dimensi efikasi sendiri ( $r=.333, p<.05$ ) dan dimensi nilai intrinsik ( $r=.411, p<.05$ ) secara sederhana positif yang signifikan. Hanya dimensi kebimbangan terhadap ujian yang tidak mempunyai hubungan dengan pengajaran guru dan dimensi-dimensinya yang menunjukkan bahawa pengajaran guru tidak berkait dengan kebimbangan dan kerisauan pelajar tentang ujian atau peperiksaan yang mereka hadapi.

## Perbincangan

Seterusnya dibincangkan hasil analisis korelasi antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi yang didapati berhubung secara signifikan pada aras yang sederhana. Analisis menunjukkan bahawa semakin meningkat pengajaran guru maka kepercayaan motivasi di kalangan pelajar aliran agama dalam mata pelajaran Bahasa Arab akan turut meningkat dan begitu juga sebaliknya apabila pengajaran guru menurun maka kepercayaan motivasi pelajar juga turut menurun.

Perbincangan selanjutnya adalah untuk menjelaskan objektif kajian tentang hubungan antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Secara keseluruhannya, analisis korelasi pearson mendapat hubungan yang signifikan antara pengajaran guru dan kepercayaan motivasi. Walau bagaimana pun, hubungan tersebut berada pada aras yang sederhana namun berkait secara positif. Keputusan ini menunjukkan bahawa semakin baik pengajaran guru maka semakin meningkat kepercayaan motivasi pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Semua dimensi pengajaran guru iaitu penyampaian informasi pelajaran, interaksi guru-pelajar dan pengaturan pembelajaran pelajar mempunyai hubungan signifikan yang sederhana dengan dimensi-dimensi kepercayaan motivasi iaitu efikasi sendiri dan nilai intrinsik. Walau bagaimana pun, hanya dimensi kebimbangan terhadap ujian sahaja yang tiada hubungan signifikan dengan pengajaran guru dan dimensi-kontruknya.

Hubungan signifikan yang sederhana menunjukkan bahawa masih berlaku kebergantungan pelajar kepada pendekatan pengajaran guru untuk meningkatkan kepercayaan motivasi mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab di sekolah. Bahasa Arab merupakan bahasa yang asing dan pelajar-pelajar di sekolah menengah di Sabah bukan penutur jati bahasa tersebut. Maka tidak hairan untuk meningkatkan minat dan keinginan untuk belajar bahasa tersebut memerlukan pengajaran guru yang mengajar Bahasa Arab di sekolah. Rozendaal et al. (2005) menyebutkan tentang guru yang menggunakan sistem pembelajaran interaktif berkumpulan secara signifikan meningkatkan motivasi belajar di kalangan pelajar. Penyampaian maklumat tentang topik-topik yang disampaikan secara berkesan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Sekiranya guru mengadakan aktiviti pembelajaran Bahasa Arab sama ada secara individu atau kumpulan dan memberi penerangan yang jelas dan mudah, maka pelajar akan menjadi lebih berminat untuk belajar Bahasa Arab dan beranggapan tugas yang akan diberi boleh diselesaikan dengan mudah.

Dari segi interaksi antara guru dan pelajar, guru yang mudah ditemui di mana sahaja mereka berada untuk proses pengajaran dan pembelajaran berpotensi meningkatkan kepercayaan motivasi walaupun tidak sepenuhnya. Interaksi sebegini antara faktor yang boleh membantu pelajar memahami topik-topik yang mereka rasakan agak sukar dan belum dikuasai. Hasil interaksi yang positif boleh meningkatkan kepercayaan motivasi yang lebih tinggi dalam diri pelajar. Dapatan ini disokong Eldin (2015) yang menyatakan interaksi antara guru dan pelajar melalui pembudayaan Bahasa Arab seperti komunikasi dalam kumpulan dan bercerita tentang kehidupan harian menggunakan Bahasa Arab sama ada melalui perbualan atau penulisan. Pandangan ini sekaligus menyokong dapatan signifikan hubungan dimensi pengaturan pembelajaran pelajar dengan dimensi-dimensi kepercayaan motivasi. Dengan susun atur aktiviti pembelajaran oleh guru yang dipersetujui dan diyakini oleh pelajar, boleh meningkatkan keinginan pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab dengan lebih mendalam. Susun atur ini termasuklah pengurusan kelas dan strategi kelas yang berkesan (Khalid, 2009) serta perhatian dan sikap ambil berat guru terhadap keperluan pembelajaran pelajar (Furrer, Skinner, & Pitzer, 2014; Rohani et al., 2010)



yang dapat menambah kepercayaan motivasi berterusan pelajar tanpa desakan dan paksaan untuk belajar Bahasa Arab.

Namun demikian, dimensi-dimensi pengajaran guru didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan dimensi kebimbangan terhadap ujian. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengajaran guru tidak mempunyai kaitan terhadap kebimbangan dan kerisauan pelajar tentang ujian atau peperiksaan yang mereka hadapi sama ada sebelum atau semasa menjalani ujian. Pelajar mungkin berpendapat emosi tersebut adalah berpunca dari diri mereka sendiri kerana guru telah memberikan informasi tentang isi kandungan pelajaran di samping telah membantu pelajar untuk memahami topik-topik yang diajar. Namun apabila tiba waktu ujian atau peperiksaan, terpulung pada diri mereka sendiri bagaimana menguruskan emosi semasa menghadapi situasi tersebut.

Walau bagaimana pun, jika dilihat pada data analisis korelasi, walaupun dengan aras yang tidak signifikan, namun nilai korelasi yang negatif menunjukkan bahawa sekiranya signifikan, maka dengan peningkatan pengajaran guru boleh menurunkan kebimbangan terhadap ujian Bahasa Arab di kalangan pelajar. Dan jika berlaku penurunan pengajaran guru maka kebimbangan pelajar terhadap ujian akan meningkat. Bahkan, terdapat kajian bertentangan dapatan kajian ini yang menyebutkan bahawa pengajaran guru seperti jenaka boleh mengurangkan tekanan dan kebimbangan pelajar (Shaffe, Ramli, Roselan, Sahandri, & Mokhtar, 2011). Pelajar kurang berkeyakinan apabila tiba waktu ujian walaupun telah bersiap sedia menghadapinya. Akan tetapi kerana kurang keyakinan dalam diri dan bimbang faktor lupa menjadi punca mereka tidak dapat menjawab dengan betul dan kurang memuaskan, padahal pelajar berharap untuk mendapatkan prestasi yang baik dalam ujian Bahasa Arab yang dihadapi. Bahasa Arab memerlukan daya hafalan kosa kata yang tinggi (Rosni, 2013) untuk menyiapkan karangan (*Insya'*), kemahiran menggunakan tatabahasa (*nahu*) dan morfologi (*sorf*) dengan betul dan kemampuan untuk mengetahui maksud perkataan dan ungkapan yang diutarakan.

Ghazali et al. (2010) yang menyokong kewujudan aras kebimbangan terhadap ujian di kalangan pelajar Bahasa Arab di institut pengajian tinggi menyatakan emosi sebegini perlu ditangani secara berasingan kerana tiada perkaitan dengan faktor pembelajaran seperti motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Hal ini menunjukkan kebimbangan terhadap ujian merupakan unsur yang boleh wujud dalam diri pelajar tanpa dipengaruhi oleh faktor luaran seperti pengajaran guru. Pelajar berkeyakinan tanpa kebimbangan di sepanjang aktiviti pembelajarannya namun faktor kebimbangan boleh berlaku apabila pelajar masuk ke dalam dewan peperiksaan.

## Kesimpulan

Kepercayaan motivasi merujuk kepada pandangan pelajar tentang dirinya dari aspek efikasi, keyakinan, keberkesanan pemerolehan pengetahuan dalam aktiviti pembelajarannya (Koca, 2016). Pelajar berpendapat bahawa suatu mata pelajaran yang dipelajari memberi impak dan kesan pada prestasi akademiknya dan masa depannya. Dalam hal ini, Bahasa Arab merupakan mata pelajaran yang penting kepada pelajar aliran agama kerana merupakan mata pelajaran yang wajib mereka pelajari dan duduki dalam peperiksaan. Justeru, pelajar memerlukan kepercayaan motivasi yang tinggi bagi memastikan kelangsungan pembelajaran mereka agar sasaran mereka tidak terpesong. Namun demikian, tanpa panduan dan bimbingan yang berkesan dan tersusun, pelajar mungkin berhadapan dengan perkembangan pembelajaran Bahasa Arab yang terumbang ambing sehingga menyebabkan kepercayaan motivasi mereka menurun akibat kesukaran menguasai mata pelajaran Bahasa Arab. Apabila kepercayaan motivasi pelajar menurun, maka prestasi akademik mereka juga dikhuatiri menurun (Liem & Chua, 2013; Mofrad & Pourghaz, 2015).

Pengajaran guru yang berkesan berupaya menentukan tahap kepercayaan motivasi seseorang pelajar sama ada semakin meningkat atau sebaliknya. Ia bergantung kepada cara guru menyampaikan pengajarannya. Rosni (2009) dan Maimun, Zaffi Alias dan Hanis Najwa Shahrudin (2014) berpandangan sekiranya cara guru menyampaikan pengajaran Bahasa Arab berbentuk tradisional iaitu menterjemah semata-mata dan pelajar perlu ikut guru, maka situasi pengajaran berpusatkan guru ini boleh mengakibatkan sikap pasif dan kekurangan motivasi belajar. Kepelbagaian aktiviti pengajaran

umpamanya lakonan, kem bahasa dan banyak lagi seperti yang dicadangkan Azani, Azman, dan Mat Taib (2012) bersama Gamal Abdul Nasir, Salwa dan Aliff (2015) amat berpotensi meningkatkan minat belajar sekaligus meningkatkan kepercayaan motivasi pelajar aliran agama dalam pembelajaran Bahasa Arab. Teori kognitif sosial menyarankan berlakunya interaksi dinamik antara sendiri pelajar, persekitarannya dan kognitif bagi memangkin kepercayaan motivasi dalam aktiviti pembelajarannya. Oleh itu, cadangan membawa pelajar belajar di luar kebiasaan seperti di tempat selain bilik darjah, lawatan ke pusat bahasa, bersukan dalam Bahasa Arab, minggu Bahasa Arab dan lain-lain dapat meningkatkan motivasi pelajar kerana mereka perlu berusaha menguasai sekurang-kurangnya ungkapan yang mudah dan difahami.

Sehubungan dengan itu, pihak berkepentingan perlu mengambil inisiatif yang progresif bagi memastikan guru-guru menyampaikan pengajaran mereka dengan lebih terbuka dan berkesan agar dapat meningkatkan kepercayaan motivasi pelajar dalam Bahasa Arab. Tidak seperti mata pelajaran yang lain, Bahasa Arab memerlukan kesungguhan dan kemahiran yang tinggi untuk menguasainya. Oleh itu, ia memerlukan kepercayaan motivasi yang tinggi bagi memastikan pelajar dapat meneruskan pembelajaran dengan lebih berkeyakinan dan sikap positif yang tinggi. Kajian selanjutnya boleh menentukan perkaitan dengan perincian pada kemahiran Bahasa Arab yang tertentu seperti pertuturan, bacaan atau penulisan. Harapan untuk melihat perkembangan Bahasa Arab maju setanding dengan mata pelajaran teras yang lain dalam usaha membina kemenjadian pelajar yang melengkap dan menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## Rujukan

- Abdul Hakim, A., Ab. Aziz, S., & Wan Ismail, W. A. (2015). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*. 10, 104–118.
- Abdul Hakim, A., Ab. Aziz, S., Wan Ismail, W. A., & Hafisah, Z. (2014). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat Kota Bharu Kelantan. *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. 1–10.
- Anuar, A., Siti Haishah, A. R., & Nur Atiqah, T. A. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1), 53–66.
- Azani, I., Azman, C. M., & Mat Taib, P. (2012). Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 12(1), 325–337.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundation of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. New York: Prentice Hall.
- Costa-Ferreira, P., & Veiga-Simão, A. M. (2012). Teaching Practices that Foster Self-regulated Learning: A case study. *Educational Research eJournal*. 1(1), 1–16. <https://doi.org/10.5838/erej.2012.11.01>
- Eccles, J. S., & Wigfield, A. (2002b). Motivational Beliefs, Balues, and Goals. *Annual Review of Psychology*. 53, 109–132. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.53.100901.135153>
- Eldin, A. A. T. S. (2015). Teaching culture in the classroom to Arabic language students. *International Education Studies*. 8(2), 113–120. <https://doi.org/10.5539/ies.v8n2p113>
- Emmanuel, A.-O., Adom, E. A., Josephine, B., & Solomon, F. K. (2014). Achievement Motivation, Academic Self-Concept and Academic Achievement Among High School Students. *European Journal of Research and Reflection in Educational Sciences*. 2(2), 24–37. Retrieved from [www.idpublications.org](http://www.idpublications.org)
- Furrer, C. J., Skinner, E. A., & Pitzer, J. R. (2014). The Influence of Teacher and Peer Relationships on Students' Classroom Engagement and Everyday Motivational Resilience. *National Society for the Study of Education*. 113(1), 101–123.

- Gamal Abdul Nasir, Z., Salwa, M., & Aliff, N. (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. *The Online Journal of Islamic Education*. 3(1), 32–40.
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. M. Y., & Parilah, M. S. (2010). Kebimbangan Ujian dan Motivasi dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab dalam Konteks Kemahiran Lisan. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 2(2), 50–63.
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. M. Y., Parilah, M. S., & Wan Haslina, W. (2011). Cognitive and metacognitive learning strategies among Arabic language students. *Interactive Learning Environments*. 21(3), 1–11. <https://doi.org/10.1080/10494820.2011.555840>
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. M. Y., Parilah, M. S., Wan Haslina, W., & Ahmed Thalal, H. (2011). Kepercayaan jangkaan keupayaan sendiri dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 11(1), 81–96.
- Ghazali, Y., Nik Mohd Rahimi, N. M. Y., Parilah, Ms., Wan Haslina, W., & Muhammad Sabri, S. (2012). Penggunaan bahasa Arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 12(2), 505–520.
- Ismail, M., W.M.Akmar, W. A., & Azman, C. M. (2013). Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 13(2), 81–97.
- Kamarul Shukri, M. T., Mohamed Amin, E., Nik Mohd Rahimi, N. Y., & Zamri, M. (2009). Language Learning Strategies and Motivation among Religious Secondary School Students. *The International Journal of Language, Society and Culture*. (29), 71–79. Retrieved from [www.educ.utas.edu.au/users/tle/JOURNAL/](http://www.educ.utas.edu.au/users/tle/JOURNAL/)
- Khalid, J. (2009). Pengaruh Pengalaman Guru ke atas Efikasi Guru dan Efikasi Kolektif Guru di Kalangan Guru Sekolah Menengah di Sabah. *Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu*.
- Koca, F. (2016). Motivation to Learn and Teacher – Student Relationship. *Journal of International Education and Leadership*. 6(2), 1–20.
- Kreishan, L. J., & Al-Dhaimat, Y. (2013). Intrinsic and extrinsic motivation, orientation and achievements in L2 of arab learners of english, French and German: A study from Jordan. *International Education Studies*. 6(12), 52–63. <https://doi.org/10.5539/ies.v6n12p52>
- Lay, Y. F., & Khoo, C. H. (2015). Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan (4th ed.). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Liem, G. A. D., & Chua, B. L. (2013). An expectancy-value perspective of civic education motivation, learning and desirable outcomes. *Educational Psychology: An International Journal of Experimental Educational Psychology*. 33(3), 283–313. <https://doi.org/10.1080/01443410.2013.776934>
- Maimun, A. L., Zaffi, A. & Hanis Najwa, S. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 39(1), 51–61.
- Manukaram, K., Melissa, N. L. Y. A., & Shahizah, H. (2014). Pengaruh Psikologi terhadap Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Rendah. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*. 29, 39–54.
- Mega, C., Ronconi, L., & De Beni, R. (2014). What makes a good student? How emotions, self-regulated learning, and motivation contribute to academic achievement. *Journal of Educational Psychology*. 106(1), 121–131. <https://doi.org/10.1037/a0033546>
- Melissa, N. L. Y. A. (2010). *Self-Regulated Learning: Theory and Application*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mofrad, R. G., & Pourghaz, A. (2015). Examining the Role of Motivational Beliefs in Students' Academic Performance in Landeh's High School. *Management and Administrative Science Review*, 4(3). 601–609.
- Nik Mohd Rahimi, N. M. Y. (2008). Penggunaan alat bantu mengajar dan hubungannya dengan pencapaian kemahiran mendengar bahasa arab. *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*. 49, 141–154.
- Ocak, G., & Yamaç, A. (2013). Examination of the relationships between fifth graders' self-regulated learning strategies, motivational beliefs, attitudes, and achievement. *Educational Science: Theory & Practice*. 13(1), 380–387. Retrieved from [www.edam.com.tr/estp](http://www.edam.com.tr/estp)

- Panadero, E., & Alonso-Tapia, J. (2014). How do students self-regulate? Review of Zimmerman's cyclical model of self-regulated learning. *Anales De Psicología*. 30, 450–462. <https://doi.org/10.6018/analesps.30.2.167221>
- Patrick, H., Ryan, A. M., & Pintrich, P. R. (1999). The differential impact of extrinsic and mastery goal orientations on males' and females' self-regulated learning. *Learning and Individual Differences*. 11(2), 153–171. [https://doi.org/10.1016/S1041-6080\(00\)80003-5](https://doi.org/10.1016/S1041-6080(00)80003-5)
- Pintrich, P. R. (2004). A Conceptual Framework for Assessing Motivation and Self-Regulated Learning in College Students. *Educational Psychology Review*. 16(4), 385–407. <https://doi.org/10.1007/s10648-004-0006-x>
- Pintrich, P. R. (2000). Multiple goals, multiple pathways: The role of goal orientation in learning and achievement. *Journal of Educational Psychology*. 92(3), 544–555. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.92.3.544>
- Pintrich, P. R., & de Groot, E. V. (1990). Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology*. 82, 33–40. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.82.1.33>
- Rohani, A., Hazri, J., & Nordin, A. R. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(2), 61–69.
- Rosni, S. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Rosni, S. (2012). Isu pembelajaran bahasa Arab. In *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. 2012, 286–300.
- Rosni, S. (2013). *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab untuk Pelajar Bukan Arab*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Rozendaal, J. S., Minnaert, A., & Boekaerts, M. (2005). The influence of teacher perceived administration of self-regulated learning on students' motivation and information-processing. *Learning and Instruction*. 15 141–160. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2005.04.011>
- Sejo, M. Z. (2012). Penekanan Ilmu Morfologi Dalam Buku Teks Bahasa Arab Kurikulum Baru Sekolah Menengah. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*, 190–205.
- Shaffe, M. D., Ramli, B., Roselan, B., Sahandri, G. H., & Mokhtar, N. (2011). Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Murid. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*. 26(1), 125–144.
- Tanriseven, I., & Dilmaç, B. (2013). Predictive relationships between secondary school students' human values, motivational beliefs, and self-regulated learning strategies. *Kuram ve Uygulamada Egitim Bilimleri*. 13(1), 29–36.
- Toland, M. D., & Ayala, R. J. D. (2005). A Multilevel Factor Analysis of Students' Evaluations of Teaching. *Educational and Psychological Measurement*. 65(2), 272–296. <https://doi.org/10.1177/0013164404268667>
- Tzohar-Rozen, M., & Kramarski, B. (2014). Metacognition, Motivation and Emotions: Contribution of Self-Regulated Learning to Solving Mathematical Problems. *Global Education Review*. 1(4), 76–95. Retrieved from <http://ger.mercy.edu/>
- Zamri, A., Ezad Azraai, J., Khaulah, R., Muhamad Ridzuan, A. L., & Zulazhan, A. H. (2014). Attitudes of Distance Learning Students At Ukm ' S Faculty of Islamic Studies Towards Learning. *Turkish Online Journal of Distance Education*. 15(1), 174–188. Retrieved from [www.eric.ed.gov](http://www.eric.ed.gov)
- Zimmerman, B. J., Bandura, A., & Martinez-Pons, M. (1992). Self-motivation for academic achievement: The role of self-efficacy beliefs and personal goal-setting. *American Educational Research Journal*. 29(3), 663–676.
- Zimmerman, B. J., & Schunk, D. H. (1989). *Self-Regulated Learning and Academic Achievement: Theory, Research and Practice*. New York: Springer-Verlag.